

Mohd Fadzley Izzani bin Lamsi - Saksi Mahkamah Tinggi

Assalamualaikum dan salam sejahtera semua.

Terima kasih kerana meluangkan masa untuk mendengar perkembangan kami hari ini. Sidang media ini dianjurkan oleh Tiada.Guru dan Light Brigade.

Light Brigade adalah organisasi pelajar yang kami tubuhkan pada tahun 2017. Ia hanya ada satu matlamat: memperjuangkan keadilan dalam pendidikan, tidak kira siapa pun yang cuba menghalang kami.

Kami menang pada 18 Julai 2023 tanpa rayuan. Kami telah membuktikan bahawa setiap Defendan, termasuk guru, pengetua, malah Menteri Pendidikan sendiri, telah melanggar Perlembagaan.

Ramai lupa bahawa: ini bukan sekadar kes guru ponteng. Ini adalah kes tutup-mulut (cover-up) KPM. Kini ia menjadi aib negara: Menteri, seorang penggubal undang-undang sendiri, dan pegawai tertinggi KPM, iaitu Ketua Pengarah Pendidikan dikenali sebagai pencabul Perlembagaan. Dan macam mana? Defendan melanggar Perlembagaan untuk menafikan hak pendidikan murid Sabah.

Tema kami adalah Kepentingan Masa. Masa adalah alat penguji yang tak pernah gagal mendedahkan sifat sebenar seseorang. Tuan-tuan dan puan-puan, hari ini kita bukan hanya bercakap tentang satu kes. Kita bercakap tentang sejarah — tentang apa yang berlaku apabila kerajaan memilih untuk berdiam diri, dan apabila rakyat biasa memilih untuk melawan.



Kepentingan Masa #1: Tahun-Tahun Yang Hilang

Kes ini bermula pada 2017. Pada waktu itu, tiada siapa di luar KPM tahu apa yang berlaku.

Tidak ada media.

Tidak ada NGO.

Tidak ada tindakan.

Empat tahun berlalu- 2017, 2018, 2019, 2020-tapi KPM tidak melakukan apa-apa untuk melindungi pelajar. Mungkinkah ada? tapi saya berani mengatakan tiada kerana saya merupakan salah satu pelajar atau mangsa dalam kes ini.

Kes ini disembunyikan dengan sempurna selama tiga tahun penuh, walaupun ia mencabul Perlembagaan Malaysia. Hanya bila Mahkamah Tinggi pada 2023 menyatakan kemenangan pihak plaintiff dan mendedahkan semuanya, barulah kerajaan “sedar”. Bukan sebab mereka peduli — tetapi sebab mereka kantoi di depan negara.

Dan seperti banyak kes lain—40% Sabah, Zara Qairina, Teoh Beng Hock, Indira Gandhi, Pastor Koh & Amri, 1MDB —satu soalan jelas muncul: adakah Kerajaan terlalu takut, adakah kerajaan terlalu korup, atau adakah kerajaan terlalu tidak rela berhenti melanggar

undang-undang. Sama kita renungkan. Dan inilah yang kita panggil, “*Tahun-Tahun Yang Hilang*”.

Tuntutan #1: Ombudsman Awam Bebas

Mahu tidak mahu, Kita perlukan satu badan Perlembagaan di luar Cawangan Eksekutif yang dikenali sebagai Ombudsman Awam, yang disokong oleh pendidik, aktivis, ibu bapa, dan ramai lagi. Pembaharuan kritikal ini menjadi asas kepada semua pembaharuan lain.

Siasatan bebas, penguatkuasaan bebas, perlindungan saksi & pemberi maklumat yang bebas. Semua itu tidak wujud di bawah siasatan dalaman KPM yang mudah terdedah kepada rasuah, dan ia membenarkan KPM memijak hak-hak kanak-kanak dengan sewenang-wenangnya.

Semua Ahli Parlimen harus berhenti berlagak menjadi mangsa perkhidmatan awam. Sebaliknya, tunjukkan maruah anda. Ambillah contoh daripada mangsa akar umbi di Sabah yang menjadi pemberi maklumat dan yang telah mengalahkan seluruh Kerajaan & perkhidmatan awam. Institusi yang korup sebegini tidak boleh diperbaiki dengan Ahli Parlimen yang lemah, yang hanya mampu menjerit di Parlimen, dan membuat pengakuan atau pendedahan yang terlalu sedikit dan terlambat. Ahli Parlimen mesti memperkukuh Ombudsman Awam dengan kuasa penyiasatan, punitif, pemulihan, dan penguatkuasaan.

Perkara ini bukan perkara baru, penubuhan Ombudsman Awam ini sudah disokong lebih 60 buah NGO di Malaysia: [Parlimen mesti melaksanakan Ombudsman Awam di sekolah](#)



Kepentingan Masa #2: Keberanian Cikgu Nurhaizah

Hari ini saya mahu menyebut satu nama: Cikgu Nurhaizah.

Beliau adalah guru paling berani dalam KPM hari ini. Tetapi malangnya, beliau tiada perlindungan pemberi maklumat. Sebaliknya, KPM terus melindungi Defendant 1 dan Defendant 2 — dua individu yang Mahkamah Tinggi sendiri panggil “saksi tidak boleh dipercayai.”

Cikgu Nurhaizah dedahkan dalam NOP beliau bagaimana:

- pihak pentadbiran mengugut pelajar,
 - menghalang mereka melaporkan salah laku,
 - dan pelajar terpaksa mendapatkan perintah injunksi untuk melindungi diri mereka.
- Mahkamah juga menyebut bahawa sikap defendan itu “menjijikkan” — dan kebenaran itu muncul kerana keberanian beliau. Beliau kumpul bukti. Beliau ajar kelas tambahan. Beliau hadap ugutan, risiko penjara, risiko hilang kerja — semata-mata untuk menyelamatkan pelajar. Tetapi tiada Menteri. Tiada ADUN. Tiada Ahli Parlimen. Tiada seorang pun yang tampil mempertahankan beliau.

Cikgu Nurhaizah adalah guru paling berani dalam KPM hari ini. Namun sehingga kini, Cikgu Nurhaizah tidak mempunyai perlindungan pemberi maklumat daripada KPM. Pada masa yang

sama, KPM masih membela Defendan Pertama JJ & Defendan Kedua Suid, yang kedua-duanya didapati saksi "tidak boleh dipercayai" oleh Mahkamah Tinggi.

Seluruh Parlimen & DUN Sabah, termasuk yang kononnya "pembela kanak-kanak", Menteri wanita, dan Menteri Pendidikan, berdiam diri.

Mengapa Kerajaan yang kononnya "bersih" gagal menyokong pemberi maklumat? Mungkin kerana Cikgu Nurhaizah telah bercakap benar tentang bagaimana KPM menyalahgunakan kuasanya terhadap kanak-kanak:

Petikan NOP Cikgu Nurhaizah: *However, I believe that many students were afraid of the potential negative reaction by the administration against them. Indeed, I understand that the administration has a tendency to harass and make threats against students who are brave enough to voice out issues concerning teacher's absenteeism. I say so because the Plaintiffs in this case had successfully obtained an injunction order against the 1st to 4th Defendants to restrain them from harassing and threatening the Plaintiffs, in particular the 1st Plaintiff.*

Apa pula pandangan Mahkamah Tinggi tentang Cikgu Nurhaizah?

...kejadian defendan pertama dan kedua secara terang-terangan mengabaikan dan sikap menjijikkan terhadap pendidikan plaintiff dan seterusnya masa depan mereka dicerminkan dengan sempurna dalam rakaman perbualan peribadi Saksi Plaintiff ke-10, Cikgu Nurhaizah Ejab ...

Nurhaizah bertindak pantas dengan mengumpulkan bukti, mengadakan kelas tambahan, melaporkannya kepada PPD, mempertaruhkan ugutan bunuh, mempertaruhkan kerjayanya, mempertaruhkan penjara, mempertaruhkan pemulauan, mempertaruhkan keluarganya, mempertaruhkan segala-galanya untuk menyelamatkan kanak-kanak yang didera, namun tiada seorang pun Ahli Parlimen, Menteri, atau ADUN yang menunjukkan keberanian yang sama. Bayangkan jika Cikgu Nurhaizah semalas dan selemah pemimpin kita.

[Tiada.Guru melancarkan petisyen untuk perlindungan beliau](#), selepas YB Fadhlina mengabaikan surat terbuka TG pada Januari 2023. Dengan 4400+ tandatangan, adakah YB Fadhlina telah "hilang suara" lagi? "Tiada respons."



Fadhlina Sidek, Minister of Education

No response

Tidak seorang pun Ahli Parlimen / ADUN / Menteri yang menyebut Cikgu Haiza, apatah lagi melindunginya.

Kes ini telah muktamad, tiada rayuan. Cikgu Nurhaizah adalah wira Sabah & wira Malaysia. Tetapi mungkin Cikgu Nurhaizah membuat satu kesilapan besar, kesilapan yang Kerajaan tidak akan maafkan. Beliau menunjukkan keberanian yang lebih, tindakan yang lebih pantas, dan integriti yang lebih kuat daripada gabungan semua ahli politik. Mungkin keberanian & tindakan pantas beliau secara tidak sengaja telah mendedahkan sifat pengecut KPM & Kerajaan. Beliau

tidak merayu sokongan popular atau merungut "reformasi memerlukan masa". Beliau tidak berkata, "Kita mesti berunding dengan semua pihak berkepentingan" atau sekadar membuat janji manis.

Tuntutan #2: Lindungi Wira Negara

Semua ahli politik, dari calon DUN Sabah hingga Ahli Parlimen hingga Menteri, mesti mendesak perlindungan pemberi maklumat luaran, dari badan bebas seperti Ombudsman Awam. Tiada lagi pemberi maklumat berani yang perlu merayu kepada Kementerian yang pengecut.

Setiap ahli politik dan rakyat Malaysia mesti mempelajari kisah Cikgu Nurhaizah dan menggunakan platform mereka untuk memberikan beliau perlindungan.

Tuan-tuan dan puan-puan, Kes ini bukan hanya tentang apa yang berlaku kepada pelajar. Ia adalah cermin — menunjukkan betapa lemahnya institusi kita, dan betapa kuatnya keberanian seorang guru.

Hari ini, kita berdiri bukan untuk mengulang sejarah yang sama, tetapi untuk menghentikannya. Tahun-Tahun Yang Hilang tidak boleh berlaku lagi. Sekian dari saya terima kasih, saya akan memberi ruang kepada Saudari Calvina bagi meneruskan point-point yang disuarakan hari ini.

Calvina binti Angayung - Plaintiff Mahkamah Tinggi



Kepentingan Masa #3: Jenayah Tutup-Mulut

Memandangkan Keputusan Mahkamah telah muktamad selama lebih 28 bulan, kami dedahkan ini:

1. Pengetua Nuzie dan tiga guru lelaki lain dari SMK Taun Gusi telah, melalui injunksi yang berjaya, mengganggu dan mengugut saksi & malah Plaintiff untuk menarik balik kes sebelum perbicaraan. Kami merakam audio rahsia ugutan mereka dan bukti ini membolehkan Mahkamah Tinggi memberikan kami injunksi perlindungan terhadap D1 hingga D4. Ini bermakna, gangguan itu sangat teruk, sehingga Mahkamah mendapati Menteri Pendidikan sendiri mesti dihalang daripada campur tangan: bayangkan, injunksi terhadap seorang Menteri Pendidikan!
2. Memandangkan Keputusan Mahkamah telah muktamad selama lebih 28 bulan, kami dedahkan ini juga: Pegawai KPM Ketua Bidang Bahasa Norhana Idek, Ketua Panitia BI Awang Erawan, dan PK1 Johari Hajat semuanya mengaku mereka tahu tentang ketidakhadiran JJ yang teruk, namun semuanya enggan bertindak, menurut Keputusan Mahkamah. Salah seorang daripada mereka malah menegaskan tidak mahu sebarang tindakan tatatertib diambil terhadap JJ.
3. Selanjutnya, Mahkamah Tinggi mendapati JJ dan Suid sedar dan / atau mengakui ketidakhadiran tersebut, namun kedua-duanya mendakwa sebaliknya semasa perkara utama litigasi. Keterangan mereka yang tidak konsisten menyebabkan kedua-duanya didapati sebagai saksi "tidak boleh dipercayai". Mengelirukan atau berbohong kepada Mahkamah bukanlah kesalahan kecil.

Tuntutan #3: Siasatan Jenayah terhadap Pegawai KPM

KPM bukan sahaja mesti memecat pegawai-pegawai ini, tetapi mesti ada siasatan sama ada pegawai-pegawai ini telah melakukan sebarang kesalahan jenayah.

[Di bawah Akta SPRM](#), kita membaca takrifan suapan (f):

(f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi;

Kepentingan Masa #4: Akauntabiliti untuk semua

Walaupun sudah 28 bulan sejak Keputusan Mahkamah, ia telah berlalu lebih 8 tahun sejak skandal itu bermula di SMK Taun Gusi.

Mahkamah Tinggi memberikan ganti rugi nominal RM30,000 kepada setiap Plaintiff kerana KPM menafikan kami "peluang yang baik dalam hidup kami untuk menerima pendidikan yang lebih baik".

Ganti rugi ini diberikan kerana kami adalah pelajar 4SS (4 Sains Sukan).

D1 gagal mengajar seluruh kelas Tingkatan 4 Sains Sukan (4SS), bukan hanya kami sebagai Plaintiff. Oleh kerana kelas 4SS mempunyai 26 pelajar, maka setiap seorang telah dinafikan hak Perlembagaan mereka untuk pendidikan berkualiti. Hakikat ini tidak pernah dipertikaikan oleh KPM.

Tuntutan #4: Tanggungjawab Kewangan

Defendan seharusnya mendermakan RM30,000 kepada 23 orang lagi rakan sekelas kami dalam Kelas 4 SS. $23 \text{ orang} \times \text{RM}30\text{K} = \text{RM}690\text{K}$ tambahan adalah minimum untuk memulihkan hak pelajar 4SS SMK Taun Gusi.

Jika Kerajaan ini benar-benar boleh dipercayai, sudah pasti mereka telah menyerahkan RM30,000 kepada setiap pelajar 4SS. Mahkamah Tinggi memutuskan RM30,000 "pampasan yang sesuai" untuk pelanggaran ekstrem Perlembagaan Persekutuan yang disebabkan oleh Defendan yang menafikan hak pendidikan. Pihak Defendan tidak boleh lari atau tapuk lagi. Selama tempoh lapan tahun ini, tiada seorang pun pegawai KPM yang bertindak ikut peraturan atau saluran yang betul.

Ada yang mungkin membantah bahawa ia tidak munasabah: mengapa? Bukankah mencuri hak pendidikan lebih salah? KPM sepatutnya guna gaji dan pencen semua pegawai ini untuk membayar derma ini.



Keperntingan Masa #5: Keangkuhan Eksekutif

Akhir sekali, kami kongsi masalah yang sepatutnya paling mudah & cepat diselesaikan oleh KPM, tetapi akhirnya memecahkan tembelang mereka.

Sehingga hari ini, 28 bulan kemudian, Defendan belum membayar satu sen pun daripada penghakiman RM150,000 disebabkan oleh pelanggaran Perlembagaan yang besar, melanggar undang-undang, keangkuhan, dan penghinaan terhadap anak-anak muda Sabah.

Bayaran Faedah sahaja kini mencecah RM17,541.67. Ramai bertanya "Percayalah Kerajaan dalam rayuan 40%", tetapi dalam satu kes ini pun, Eksekutif begitu angkuh mencabar Badan Kehakiman.

Nampaknya AGC dan KPM sedang menguji nasib mereka dan melihat sejauh mana mereka boleh lepas tangan sebelum rakyat Malaysia bangkit menentang kejahatan mereka.

Kami menjangkakan lebih banyak alasan daripada melanggar undang-undang dalam Kerajaan. Adakah mereka akan memanggil kami korup juga, dan enggan membayar penghakiman itu? Adakah mereka akan memanggil kami angkuh atau pengemis dan enggan membayar penghakiman itu? Nampaknya pihak yang melanggar undang-undang dan enggan membayar adalah pihak yang benar-benar angkuh dan pihak yang benar-benar pengemis.

Kami mengingatkan semua rakyat Sabah: semua siasatan rasuah, semua siasatan KPM, semua siasatan polis, semua pendakwaan jenayah 100% dikawal oleh Kerajaan Persekutuan. Rakyat Sabah tiada suara. PM yang melantik Ketua SPRM dan AG. Bukan rakyat Sabah. Jika Kerajaan Persekutuan benar-benar mahu menamatkan rasuah di Sabah, ia akan melakukannya esok. Ia adalah satu-satunya pihak yang boleh berbuat demikian.

Dengan jelas kini, rakyat Sabah, pemberi maklumat, belia, wanita, dan rakyat Malaysia yang jujur hidup di bawah Penjajahan Moden oleh Putrajaya & Parlimen. Rakyat Sabah dan pemberi maklumat bergantung pada badan kehakiman apabila Eksekutif menjadi terlalu angkuh dan melanggar terlalu banyak undang-undang. Tetapi kini, entah bagaimana, Eksekutif telah meletakkan dirinya di atas Perlembagaan Persekutuan dan nampaknya percaya Kerajaan boleh melanggar undang-undang dan meruntuhkan institusi demokrasi dengan sewenang-wenangnya.

Jadi, ketidakpatuhan pembayaran ini tidak menghairankan. KPM telah tahu selama bertahun-tahun bahawa skandal ini benar, namun mereka tetap mempertahankannya. Tidak hairanlah Kementerian yang melanggar undang-undang kekal sebagai Kementerian yang melanggar undang-undang. Ia hanya menyedihkan bagi rakyat Sabah untuk melihat betapa terdesaknya Defendan, termasuk KPM dan Kerajaan Persekutuan, untuk menyembunyikan ketidakadilan mereka, untuk menyembunyikan perbuatan melanggar undang-undang mereka, untuk menyembunyikan keangkuhan mereka. Dan untuk hasil akhir apa? Untuk menyakiti anak-anak Sabah?

Walaupun mereka membayar esok, ia akan menjadi bukti bahawa Kerajaan Persekutuan tidak peduli tentang melanggar undang-undang. Kerajaan Persekutuan hanya peduli apabila dunia *mengetahui* mereka melanggar undang-undang.



Tuntutan #5: Bayar Ganti Rugi dengan Wang Sendiri

Defendan mesti melaksanakan Keputusan Mahkamah sepenuhnya. Defendan ke-4 harus membayar faedah Penghakiman dari gaji beliau sendiri; sebagai Defendan berpangkat tertinggi, beliau sebagai Menteri dan ahli Kabinet tidak boleh membebankan rakyat kerana kegagalan beliau.

Selanjutnya, Defendan ke-1 hingga ke-2, dan rakan sejenayah mereka, harus membayar seberapa banyak daripada Penghakiman daripada gaji / pencen mereka. Tindakan ini akan menjadi akauntabiliti yang jujur dan mengelakkan membebankan rakyat dengan kegagalan Defendan.

Seperti yang kami katakan, kita ada kuasa bah.

Kenapa?

Tiada alasan untuk mengelak pembayaran. Mungkin Defendan tidak dapat menerima kekalahan besar mereka kepada tiga gadis berusia 18 tahun, dan dari Sabah pula. Mungkin Defendan tidak dapat menerima bahawa Mahkamah Tinggi mendedahkan "pegawai KPM yang berpengalaman" ini sebagai saksi tidak boleh dipercayai dengan menggunakan rakaman yang dibuat oleh pelajar berusia 16 tahun di Tingkatan 4. Mungkin Defendan tidak dapat menerima bahawa perbuatan melanggar undang-undang, penindasan, penghinaan mereka terhadap anak-anak muda telah terdedah.

Tahukah anda Defendan ke-4, YB Fadhlina Sidek adalah seorang peguam? Sehingga hari ini, beliau tidak pernah menyebut Cikgu Nurhaizah, tidak pernah melindunginya, tidak pernah menyebut Keputusan Mahkamah Tinggi ini, tidak pernah menyebut skandal ini, tidak pernah menyebut kecurangan ini, tidak pernah menyebut sebarang tindakan terhadap mana-mana Defendan. Sekali lagi, YB Fadhlina adalah seorang peguam. Beliau bukan jahil, namun sebagai seorang pengamal undang-undang, beliau telah menyertai penentangan Eksekutif terhadap Badan Kehakiman. Rakyat Sabah, adakah ini cara kita mahu sekolah kita, belia kita, dan negeri kita dilayan?

YB Fadhlina masih ingat untuk mengucapkan selamat hari lahir kepada PMX. YB Fadhlina masih ingat untuk mendakwa dalam temubual media nasional,

"When things happen, there will be the minimum expectation that the minister will respond."

"Maybe it is because of my legal background. We never take anything for granted."

"We are willing to tackle this head-on too. Ever since I came in, there have been no more complaints," she said. "I think this is because the process of complaints is now well-established. We have that process and we resolve complaints at the grassroots level."

"There will be no more Ain Husniza case during my time."

Sumber:

[Sexual harassment, bullying must end in my time, says Fadhlina](#)

[Fadhlina: Every small victory is reformasi for me](#)

Ini sekali lagi hanyalah penyalahgunaan kuasa Kerajaan Persekutuan terhadap belia, terhadap pemberi maklumat, terhadap rakyat Sabah, terhadap pelajar, terhadap penjawat awam yang jujur, terhadap demokrasi, terhadap pengasingan kuasa.

Kami tidak memfailkan saman ini untuk kemasyhuran atau wang; kami memfailkannya untuk pengisytiharan bagi membuktikan guru ponteng bukan sekadar perkara tatatertib dalaman, tetapi sebagai pelanggaran Perlembagaan Persekutuan. Alhamdulillah, Mahkamah Tinggi bersetuju dengan kami.